



**KENYATAAN MEDIA**  
**UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 11/2023**

**Malaysia Mengharungi Cabaran Ekonomi pada ST3 2023: Pertumbuhan yang Sederhana di Tengah Kelembapan Global**

**PUTRAJAYA, 30 November 2023** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 11/2023**. Edisi kali ini memberi tumpuan kepada statistik terkini yang diterbitkan bagi bulan September 2023, beberapa statistik akan datang bagi bulan Oktober 2023 dan sorotan keadaan ekonomi Malaysia pada suku ketiga tahun ini. Tambahan lagi, edisi ini turut dilengkapi dengan artikel bertajuk “Banci Pertanian di Malaysia” yang menerangkan latar belakang, hubungannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 dan cabaran dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024.

Menelusuri keadaan ekonomi global, ekonomi dunia dijangka bertumbuh sederhana 3.0 peratus pada tahun 2023 dan 2.9 peratus pada tahun 2024 seperti yang diunjur oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam laporan Tinjauan Ekonomi Dunia (WEO) yang dikeluarkan pada Oktober 2023. Selain itu, ekonomi negara-negara Asia dijangka berkembang 4.6 peratus pada tahun 2023, menyederhana kepada 4.2 peratus pada tahun 2024.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Ekonomi negara berkembang 3.3 peratus tahun ke tahun pada suku tahun ketiga 2023 (ST3), lebih tinggi berbanding 2.9 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Pengembangan ekonomi pada suku tahun ini didorong oleh permintaan domestik khususnya dalam sektor Perkhidmatan dan Pembinaan. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat 2.6 peratus (ST2 2023: 1.5%) pada suku tahun ini."

Menyelusuri petunjuk semasa ekonomi negara, Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia terus mengekalkan lebihan pada suku tahun ketiga 2023 dengan merekodkan RM9.14 bilion berbanding RM19.0 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu. Lebihan tersebut disokong oleh eksport bersih barang. Pelaburan Langsung Asing (FDI) juga merekodkan aliran masuk bersih yang lebih rendah RM7.2 bilion berbanding

RM9.6 bilion pada suku yang sama tahun lalu. Tambahan, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih RM13.4 bilion pada suku tahun ketiga 2023 (ST2 2023: RM8.0 bilion).

Sementara itu, jumlah dagangan Malaysia merosot 15.7 peratus pada suku tahun ketiga 2023. Eksport menurun 15.2 peratus, manakala import menguncup 16.3 peratus, kesan daripada lebihan dagangan yang mencatatkan penyusutan 9.1 peratus. Melihat prestasi perdagangan barang pada September 2023, dengan eksport dan import masing-masing menurun 13.7 peratus dan 11.1 peratus, jumlah dagangan menyusut 12.6 peratus tahun ke tahun. Pada masa yang sama, lebihan dagangan merosot 23.0 peratus. Pada Oktober, prestasi perdagangan Malaysia terus menunjukkan penurunan yang lebih kecil. Jumlah dagangan, eksport dan import mencatatkan penurunan satu digit yang pertama sejak Mei 2023 dengan masing-masing merekodkan 2.4 peratus, 4.4 peratus dan 0.2 peratus. Sementara itu, lebihan dagangan merosot 30.3 peratus.

Nilai jualan sektor Pembuatan terus menyusut untuk dua suku tahun berturut-turut, menurun 2.7 peratus tahun ke tahun pada suku tahun ketiga 2023 berbanding penurunan 1.0 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Penurunan ini dipengaruhi oleh subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik (-13.3%), Makanan, minuman & tembakau (-5.3%); serta Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (-0.5%). Bagi prestasi tahunan, nilai jualan sektor Pembuatan menurun pada kadar yang lebih perlahan 1.9 peratus tahun ke tahun pada September 2023, berbanding kemerosotan 3.3 peratus pada bulan sebelumnya.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia pada suku tahun ketiga 2023, mencatatkan penyusutan marginal 0.04 peratus selepas mencatatkan negatif 0.3 peratus pada suku tahun kedua 2023. Sementara itu, hasil bagi sektor Perkhidmatan tumbuh 4.4 peratus kepada 146.7 mata pada suku tahun ini. Pada masa yang sama, hasil bagi sektor Perkhidmatan meningkat 7.6 peratus tahun ke tahun pada suku tahun ketiga 2023 untuk merekodkan RM584.0 bilion.

Berdasarkan situasi tenaga buruh semasa, bilangan penduduk bekerja meningkat 0.6 peratus kepada 16.25 juta orang (ST2 2023: 16.15 juta orang) pada suku tahun ketiga 2023. Selain itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan sesebuah ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan terus meningkat 0.2 mata peratus kepada 67.7 peratus (ST2 2023: 67.5%). Pada suku tahun ini, kadar pengangguran bertambah baik kepada 3.4 peratus berbanding 3.7 peratus yang dicatatkan pada suku tahun ketiga 2022, menurun 38.8 ribu orang penganggur (ST3 2022: 611.8 ribu orang).

Dari perspektif harga, inflasi pada suku tahun ketiga 2023 mereda kepada 2.0 peratus kepada 130.7 berbanding 128.1 pada suku yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, inflasi Malaysia pada September 2023, mereda kepada 1.9 peratus berbanding Ogos

2023 (2.0%) disebabkan oleh harga yang lebih rendah bagi kumpulan Restoran & hotel, 4.4 peratus; Makanan & minuman bukan alkohol, 3.9 peratus dan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah sebanyak 1.5 peratus. Inflasi Malaysia pada Oktober 2023 merekodkan 1.8 peratus, terendah sejak April 2021. Pada September 2023, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia meningkat semula 0.2 peratus. Walau bagaimanapun IHPR menurun secara marginal 0.3 peratus pada Oktober 2023.

Berdasarkan senario petunjuk ekonomi tersebut, ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan dalam masa terdekat, seperti yang digambarkan oleh Indeks Pelopor (IP) yang menunjukkan pergerakan yang lebih baik untuk tiga bulan berturut-turut kepada negatif 0.3 peratus dengan merekodkan 109.3 mata pada September 2023 berbanding negatif 0.5 peratus pada bulan sebelumnya. Walaupun masih di bawah trend 100 point dalam analisis jangka panjang terlicin pada September 2023, Indeks Pelopor menjangka ekonomi Malaysia bertumbuh sederhana dalam masa terdekat, disokong oleh peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan, keadaan pasaran buruh yang memberangsangkan dan permintaan domestik yang menggalakkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
30 NOVEMBER 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT**

**FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 11/2023**

***Malaysia Navigates Economic Challenges in Q3 2023: Modest Growth Amidst Global Slowdown***

**PUTRAJAYA, 30th NOVEMBER 2023** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 11/2023**. This edition focuses on the recent statistics released in September 2023, some forthcoming statistics for October 2023 and highlights on Malaysia's economic situation in the third quarter of the year. Furthermore, this edition is complemented with a box article entitled "Agricultural Census in Malaysia" which describes the background, its relationship with the Sustainable Development Goals (SDG) 2030, and the challenges in the implementation of the 2024 Agricultural Census.

*Viewing the situation at the global frontier, the world economy is anticipated to grow moderately at 3.0 per cent in 2023 and 2.9 per cent in 2024 as projected by the International Monetary Fund (IMF) in its World Economic Outlook (WEO) report released in October 2023. Additionally, Asian countries' economy is projected to grow by 4.6 percent in 2023, moderating to 4.2 percent in 2024.*

*Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The country's economy expanded by 3.3 per cent year-on-year in the third quarter (Q3) of 2023, higher than the 2.9 per cent recorded in the previous quarter. The expansion of economy in this quarter was driven by domestic demand, especially in the Services and Construction sectors. In terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted Gross Domestic Product (GDP), it increased by 2.6 per cent (Q2 2023: 1.5%) in this quarter.*

*On the nation's recent economic indicators, Malaysia's Current Account Balance (CAB) continued to maintain a surplus in the third quarter of 2023, recording RM9.14 billion as compared to RM19.0 billion in the same period last year. The surplus was supported by net exports of goods. Foreign Direct Investment (FDI) also recorded a lower net inflow of RM7.2 billion as against RM9.6 billion for the same quarter last year. Adding to this, Direct Investment Abroad (DIA) recorded a net outflow of RM13.4 billion in the third quarter of 2023 (Q2 2023 : RM8.0 billion).*

*Meanwhile, Malaysia's total trade decreased by 15.7 per cent in the third quarter of 2023. Exports decreased by 15.2 per cent, while imports declined by 16.3 per cent resulting in the trade surplus registered a decrease of 9.1 per cent. Looking into the performance of merchandise trade in September 2023, with the drop in exports and imports by 13.7 per cent and 11.1 per cent, respectively, total trade shrank 12.6 per cent year-on-year. At the same time, trade surplus decreased by 23.0 per cent. In October, Malaysia's trade performance continued to show a smaller decrease. Total trade, exports and imports noted the first single-digit decline since May 2023 with 2.4 per cent, 4.4 per cent and 0.2 per cent, respectively. Meanwhile, the trade surplus declined by 30.3 per cent.*

*The sales value of the Manufacturing sector, continued to decelerate for two consecutive quarters, dropping by 2.7 per cent year-on-year in the third quarter of 2023 as compared to the 1.0 per cent decline registered in the previous quarter. The decrease was attributed to the Petroleum, chemical, rubber & plastic (-13.3%), Food, beverages & tobacco (-5.3%); as well as the Wood, furniture, paper products & printing (-0.5%) sub-sectors. On the annual performance, the sales value of the Manufacturing sector decreased at a slower pace of 1.9 percent in September 2023, compared to the 3.3 percent deterioration in the preceding month.*

*Malaysia's Industrial Production Index (IPI) in the third quarter of 2023, registered a marginal decline of 0.04 per cent, after recording negative 0.3 per cent recorded in the second quarter of 2023. Meanwhile, the Services Volume Index rose 4.4 per cent to 146.7 points in this quarter. Concurrently, the revenue for Services sector grew by 7.6 per cent year-on-year in the third quarter of 2023 to record RM584.0 billion.*

*On the current labour force situation, number of employed persons increased by 0.6 per cent to 16.25 million persons (Q2 2023: 16.15 million persons) in the third quarter of 2023. Subsequently, the employment-to-population ratio, which indicates the ability of an economy to create employment further increased by 0.2 percentage points to 67.7 per cent. (Q2 2023: 67.5%). During this quarter, the unemployment rate improved to 3.4 per cent as compared to 3.7 per cent posted in the third quarter of 2022, decreased by 38.8 thousand of unemployed persons (Q3 2022: 611.8 thousand persons).*

*From the prices perspective, the inflation for the third quarter of 2023 eased to 2.0 per cent to 130.7 as compared to 128.1 in the same quarter of the preceding year. Meanwhile, Malaysia's inflation in September 2023, came down to 1.9 per cent 2023 as compared to August 2023 (2.0%) attributed to the lower prices for the group of Restaurants & Hotels, 4.4 per cent; Food & Non-Alcoholic Beverages, 3.9 per cent and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance, 1.5 per cent. Malaysia's inflation in October 2023 recorded 1.8 per cent, the lowest since April 2021. In September 2023, Malaysia's Producer Price Index (PPI) experienced a recovery,*

increasing by 0.2 per cent. However PPI declined marginally by negative 0.3 per cent in October 2023.

Based on these economic indicators developments, Malaysia's economy is expected to expand at a slower pace in the near future, as indicated by the Leading Index (LI) , which showed better movement for three consecutive months to negative 0.3 per cent by recording 109.3 points in September 2023 as compared to negative 0.5 per cent in the previous month. Despite remaining below the 100.0 points trend in the smoothed long-term analysis for September 2023, the Leading Index suggests that Malaysia's economy is poised for moderate growth in the near future, supported by an increase in investment spending, favourable labour market conditions and encouraging local demand.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Released by:

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
30<sup>TH</sup> NOVEMBER 2023**